

ABSTRAK

Peribahasa adalah karya satu-satu bangsa yang mencerminkan minda dan gaya hidup mereka. Ia tergarap dengan kata-kata yang teratur, indah, sedap didengar dan mempunyai nilai maksud yang cukup bermakna. Peribahasa bagi apa jua bahasa dan bangsa pun pada mulanya adalah kata-kata orang perseorangan yang diterima pakai oleh masyarakatnya kerana unsur-unsur tadi, lalu berkembang dan berpindah dari satu generasi ke satu generasi merentasi zaman dan cara hidup mereka sehingga menjadi khazanah ilmu, pemikiran, nasihat dan kata-kata hikmat bagi bangsa tersebut. Jelas, Peribahasa itu satu daripada jelmaan intelektualiti penutur bahasa itu. Kemasyarakatan adalah unsur terpenting dalam peribahasa. Unsur-unsur kemasyarakatan seperti akhlak, adat dan kebudayaan, alam sekitar dan lain-lain banyak tergarap dalam peribahasa Arab. Memahami kemasyarakatan Arab sangat penting dalam mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Tujuan artikel ini adalah untuk menampilkan unsur-unsur itu agar dapat dijadikan wahana atau wadah penguasaan bahasa Arab. Antara dapatan kajian: Orang Arab mempunyai peribahasa yang sangat kaya yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan bermasyarakat dan juga contoh penggunaan bahasa yang sangat indah yang boleh dipelajari oleh para pelajar bahasa ini. Penulis menggunakan metod kualitatif dan kepustakaan dalam penulisan artikel ini.

Kata Kunci: Peribahasa, Arab, Peribahasa Arab, Kemasyarakatan

1. PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG

1.1 Peribahasa

Peribahasa dalam pengertian umum adalah pati atau intisari kata-kata hikmat. Dalam apa jua bangsa dan bahasa pun peribahasa adalah cerminan minda bangsa tersebut. Ia lahir dari pengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan bernas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai dalam berbagai bentuk dan berbagai interaksi dan akan diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi.

Zamakhshari (1143M/538H) dalam bukunya *المستقصى في الأمثال* ada menyebutkan: *المثل هو خلاصة تجربة مكثفة مستحبة خلال دهور، ذاتية المنشأ، عامية الفائدة، باستقرارها تقف على كل أبعاد العصر الذي أفرزه.*

(Peribahasa adalah intipati pengalaman yang intensif, digemari dalam waktu yang panjang, kelahirannya berbentuk individual, dan kemanfaatannya menyeluruh. Dengan menghayatinya dapat mengetahui keadaan dan elemen-elemen masa peribahasa itu dicipta).¹

Dengan kata lain, peribahasa menunjukkan kepribadian bangsa tersebut dalam menempuh hidup, dalam semua zaman yang dilalui oleh bangsa itu. Kepribadian adalah cerminan bangsa yang mempunyai kecenderungan, pembawaan dan budaya hidup yang tertentu hasil dari integrasi sesama mereka dan jua bangsa-bangsa lain.²

¹ Zamakhshari. AL-Mustaqsa fi al-Amthal. (m.s 5)

² الدكتور صلاح الفوال. علم الاجتماع بين النظرية والتطبيق. (1966). دار الفكر العربي. القاهرة ص 122

Sementara Abdula Aziz Abdul Rahman dalam prakata Kamus Peribahasa ada menyatakan Peribahasa merupakan ungkapan yang sudah mantap bentuk dan susunannya dengan makna yang tepat. Makna perkataan yang menjadi ungkapan ini mungkin tidak dapat difahami secara terus daripada makna kamusnya kerana maknanya dikiaskan menurut budaya Melayu dan dari kaca mata orang Melayu.³

Zaitul Akma dan Ahmad Fuad dalam buku mereka ada menyatakan: Peribahasa merupakan salah satu cabang bahan kiasan yang mengandungi lima komponen utama, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah, dan kata-kata hikmat.⁴

Dalam menghasilkan peribahasa, tiga sumber utama telah digunakan oleh masyarakat penuturnya iaitu:

- i. Melalui pengalaman hidup, khususnya dalam kalangan rakyat biasa.
- ii. Melalui penaakulan para bijak pandai.
- iii. Menerusi sumber yang didapati daripada kitab-kitab suci (Abdullah Hussain, 2003).

Dalam konteks masyarakat, peribahasa mempunyai dua tujuan utama iaitu;

- i. Menyembunyikan ungkapan atau kata-kata kasar.
- ii. Penghuraian sistem adat.

1.2 Arab

Arabic: عَرَب are a population inhabiting the Arab world. They primarily live in the Arab states in Western Asia, North Africa, the Horn of Africa and western Indian Ocean islands⁵

Bangsa arab adalah salah satu etnis yang berasal dari keturunan Sam putra Nabi Nuh as. Mereka mendiami disekitar wilayah barat daya benua Asia atau yang dikenal dengan Semenanjung Arabia yang sebahagian wilayahnya terdiri dari gurun pasir dan padang rumput yang luas.

1.3 Bahasa Arab

Perkembangan bahasa Arab dapat diperhatikan dari catatan sejarah perkembangan agama Islam. Tahap demi tahap Agama Islam dan kerajaan Islam berkembang pesat sehingga kaum muslimin Arab dapat menaklukkan kerajaan di luar semenanjung Arabia sampai ke Cordova san Spanyol, sehingga mencapai puncak kejayaan di zaman Khalifah Abbasiyyah. Maka demikian pula halnya bahasa Arab bertambah masyhur.

Bahasa Arab tidak hanya dipergunakan oleh bangsa Arab saja, tetapi mulai dipergunakan oleh bangsa lain yang teal takluk di bawak kekuasaan Islam. Kekhalifahan Islam menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa resmi kenegaraan. Dipergunakan dalam segala bentuk kegiatan pemerintahan.⁶

Bahasa Arab dianggap sebagai salah satu bahasa tertua dunia. Ia dikelompokkan dalam bahasa-bahasa sematik. Pada hari ini, ia adalah salah satu bahasa dunia. Penutur bahasa

³ Kamus Peribahasa. PAN ASIA PUBLICATION SDN BHD (2016).

⁴ Zaitul Azma Zainon Hamzah. Ahmad Fuad Mat Hassan. Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, (2011)

⁵ Frishkopf, edited by Michael (2010). *Music and media in the Arab world (1st ed.)*. Cairo: The American University in Cairo Press.

⁶ <http://wartasejarah.blogspot.my/2013/09/asal-usul-bangsa-arab.html>

Arab dianggarkan melebihi 422 juta di seluruh dunia. Populasi penutur bahasa ini, perkembangannya dan peredaran masa telah meletakkan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa utama dunia.⁷

1.4 Kemasyarakatan

Kemasyarakatan adalah mengenai masyarakat, sifat-sifat atau hal masyarakat. Ralp Linton (1936: 91), mendefinisikan masyarakat (society) sebagai berikut:

“Setiap kelompok manusia yang telah hidup dan bekerjasama cukup lama, sehingga mereka dapat mengatur dan menganggap diri mereka sebagai satu kesatuan sosial dengan batas-batasnya yang jelas”.⁸

Banyak terdapat kajian tentang ciri-ciri kemasyarakatan yang diutarakan oleh para pengkaji, antara kesimpulan yang dapat diambil:

- i. Manusia yang hidup bersama sekurang-kurangnya terdiri atas dua orang.
- ii. Bergaul dalam waktu cukup lama. Sebagai akibat hidup bersama itu, timbul sistem komunikasi dan peraturan-peraturan yang mengatur hubungan antarmanusia.
- iii. Sedar bahwa mereka merupakan satu kesatuan.
- iv. Merupakan suatu sistem hidup bersama. Sistem kehidupan bersama menimbulkan kebudayaan kerana mereka merasa dirinya terkait satu dengan yang lainnya.⁸

1.5 Mengapa masyarakat perlu wujud

Kewujudan masyarakat sangat penting bagi membentuk kesatuan manusia yang mempunyai ciri-ciri khusus seperti:

- i. Interaksi antara warga masyarakat untuk membina kehidupan yang harmoni.
- ii. Mengamalkan agama, adat istiadat, hukum, norma, aturan-aturan khusus yang membentuk seluruh tingkah-laku warganya.
- iii. Menyusun waktu atau masa.
- iv. Menyerlahkan identiti yang kuat mengikat warganya.

1.6 Peribahasa Arab

Seperti bangsa-bangsa lain, orang Arab juga mempunyai peribahasa mereka sendiri yang diwarisi turun temurun. Banyak kajian menyebut bahawa orang Arab semenjak zaman jahiliah lagi telah mengumpul peribahasa dan kata-kata hikmat yang di ucapkan oleh para pendeta di zaman itu.

Dr. Abdel Majid Qatamish, dalam bukunya: *الأمثال العربية – دراسة تاريخية تحليلية* membahagikan peribahasa Arab kepada tiga jenis:

- i. Peribahasa al-Mujaz: Kata-kata yang masyhur, mengandungi makna yang tepat.
- ii. Peribahasa Qiasi: Peribahasa yang dibawa dalam bentuk gambaran atau cerita yang bertujuan untuk menjelaskan satu-satu fikiran dengan menggunakan perbandingan.
- iii. Peribahasa Khurafi: Kata-kata ringkas yang masyhur yang menggunakan binatang sebagai penuturnya bati tujuan huburan dan jenaka.⁹

⁷Prof. Madya Dr. Zamri Arifin2
almuslim@ukm.my

⁸ <https://www.facebook.com/notes/r-eka-nur-prasetya/pengertian-unsur-dan-kriteria-masyarakat>

⁹ Abdel Majid Qatamish, dalam bukunya : *الأمثال العربية – دراسة تاريخية تحليلية* m.s. 28-35

Seorang pengkaji, Siti Mahwiyah (2014) dari MTs Al-Mansshuriyah PPI Kota Tangerang, Jawa Barat, Indonesia, ada menulis dalam Arabiyat, Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban ada menulis: Ada lima amtsal, iaitu:

- i. *Matsal yang muncul berdasarkan suatu suatu kejadian, contohnya: وافقَ شَنْ طَبَقَةَ*
matsal ini diucapkan ketika telah terjadi suatu peristiwa di mana ada seorang lelaki bernama Syannu. Ia tertarik dan mertasa cocok dengan seorang wanita yang baru dikenalnya, Thabaqah, lalu ia menikahinya.
- ii. *Matsal yang muncul dari perumpamaan. Misalnya, seorang laki-laki yang memiliki sifat “dermawan” diperibahasakan dengan ungkapan: أجودُ مِنْ جاتمِ*
- iii. *yang muncul dari sebuah kisah. Yang dimaksud kisah disini adalah sebuah kisa yang diriwayatkan atau secara kontinyu dituturkan oleh umat manusia, seperti kisah Musaa.s. dan Khidhir as yang disebutkan dalam al-Qur’an dengan sebuah matsal berikut: إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا*
- iv. *Matsal yang muncul dari sebuah hikmah. Contohnya adalah ucapan Luqman:*
- v. *Matsal yang muncul dari sebuah syair. رَبِّ أَخٍ لَمْ تَلِدْهُ أُمُّكَ*

2. PENGUMPULAN PERIBAHASA ARAB

2.1 Zaman Bani Umayyah

Gerakan penulisan buku di zaman ini agak aktif. Terdapat 3 buah buku peribahasa telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh bahasa dan sejarah zaman itu, iaitu, mereka adalah:

صَحَارِ بْنِ عِيَّاشِ الْعَبْدِيِّ - عُيَيْدِ بْنِ شَرِيَةِ الْجُرْهُمِيِّ - عِلَاقَةَ بْنِ كُرْشُمِ الْكَلَابِيِّ

2.2 Zaman Abbasiyah

Apabila berlaku pertukaran kerajaan Islam kepada Kerajaan Bani Abbasiyah yang berpusat di Baghdad kegiatan penulisan makin bertambah hebat termasuk dalam bidang peribahasa.

أَبُو عَمْرٍو بْنِ الْعَلَاءِ - الشَّرْقِيُّ الْقَطَامِيُّ - الْمُفْضَلُ مُحَمَّدُ بْنُ الضَّبِّيِّ - يُونُسُ بْنُ حَبِيبِ الضَّبِّيِّ - أَبُو عُبَيْدَةَ مَعْمَرُ بْنُ الْمُثَنَّى

dan lain-lain.¹⁰

3. PERIBAHASA ARAB DAN KEMASYARAKATAN

Seperti yang telah disebutkan peribahasa adalah cetusan pengalaman masyarakat, maka unsur kemasyarakatan dalam peribahasa Arab begitu jelas. Hal ini akan disebutkan oleh penulis dalam bab berikutnya.

Seorang Penulis, محمد الشودري (2013) ada menyatakan bermaksud: Peribahasa Arab lahir dari dua unsur:

- i. Dari jiwa dan perasaan orang Arab. Jika lahir seorang yang baik, seperti berana, mereka jadikannya sebagai peribahasa tentang keberanian, kalau lahir pula di kalangan mereka seorang yang pengecut mereka jadikannya sebagai peribahasa tentang kedayusan.

¹⁰ Abdel Majid Qatamish, dalam bukunya : دراسة تاريخية تحليلية - الأمثال العربية m.s. 41 - 120

- ii. Dari buku-buku dan kisah orang-orang terdahulu yang dihasilkan dari semasa ke semasa.¹¹

4. KEPENTINGAN PERIBAHASA ARAB DALAM PEMBELAJARAN DAN PENDIDIKAN

Pendidikan adalah proses penurunan ilmu dan pengalaman. Menurut **John Dewey** (meninggal 1952), pendidikan merupakan suatu proses pengalaman. Kerana kehidupan merupakan pertumbuhan, maka pendidikan bererti membantu pertumbuhan batin manusia tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan adalah proses penyesuaian pada setiap masa dan menambah kecekapan dalam perkembangan seseorang melalui pendidikan.¹²

Aktivis penyelidikan, Nik Radhiah Nik Ali (2015) dalam sebuah artikalnya yang bertajuk: Kepentingan Peribahasa Arab dalam Pengajaran dan Pembelajaran ada menukilkan beberapa maklumat yang menarik:

- i. Membuka minda pelajar tentang peribahasa asing selain peribahasa Melayu.
- ii. Mendidik pelajar menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan.
- iii. Mendedahkan pelajar dengan budaya masyarakat Arab.
- iv. Pelajar dapat mempelajari peribahasa Islam.
- v. Nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam diri pelajar.¹³

5. CONTOH PERIBAHASA ARAB TEMA KEMASYARAKATAN

5.1 Peribahasa Al-Quran dan Al-Hadith Al-Syarif

Oleh kerana Al-Quran Al-Karim dan Al-Hadith Al-Syarif dalam Bahasa Arab, penulis bawakan beberapa contoh peribahasa garapan Al-Quan dan Al-Hadith yang bertemakan kemasyarakatan:

Al-Quran		
TAJUK	FIRMAN ALLAH SWT	MAKNA
Larangan menjatuhkan marwah	<p>﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ﴾</p>	<p>Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya,</p>

¹¹ <http://www.presstetouan.com/news/7980.html>

¹² <http://www.seputarpengetahuan.com/2015/02/15-pengertian-pendidikan-menurut-para.html>

¹³ TAMU-Vol-15- December 12-2015

		sedang kamu tidak menyedarinya. (al-Hujuraat : 2)
Kesan Riba Ke Atas Kehidupan	الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ	Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. (al-Baqarah: 275).
Ujian Dalam Kehidupan Dunia	﴿إِنَّا بَلَوْنَاهُمْ كَمَا بَلَوْنَا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ﴾	Sesungguhnya Kami telah timpakan mereka dengan bala bencana, sebagaimana Kami timpakan tuan-tuan punya kebun (dari kaum yang telah lalu), ketika orang-orang itu bersumpah (bahawa) mereka akan memetik buah-buah kebun itu pada esok pagi; (al-Qalam: 17)

Al-Hadith Al-Syarif

TAJUK	SABDA RASULULLAH SAW	MAKNA
Memberi Salam	عن أبي هريرة رضي الله عنه، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ((وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا، وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا، أَوْ لَا أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمْوهُ تَحَابِبْتُمْ؟ أَفَشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ)) [حديث صحيح، أخرجه مسلم وأبو داود والترمذي]	Demi Tuhan yang diriku di bawah kuasanya. Kamu semua tidak akan dapat masuk syurga sehinggalah kamu beriman. dan pula tiak beriman sehinggalah kamu berkasih sayang. Adakah boleh aku tunjuk kepadamu sesuatu bila kamu membuatnya bererti kamu telah amalkan kasih sayang? Sebarkan salam antara kamu.
Membantu Orang Dalam Kesusahan	عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((من يسَّرَ على معسرٍ، يسَّرَ الله عليه في الدنيا والآخرة)) [حديث صحيح، أخرجه مسلم وابن حبان]	Barangsiapa membantu seorang yang menghadapi kesusahan, Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat

Anak Yatim	عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ كَهَاتَيْنِ فِي الْجَنَّةِ ، وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى ، وَفَرَّقَ بَيْنَهُمَا قَلِيلًا	Aku dan penjaga anak yatim seperti ini di dalam syurga, lalu baginda menunjukkan kepada para sahabat jari telunjuk dan jari tengah dan Baginda merenggangkan sedikit antara keduanya.
------------	--	---

Peribahasa Arab

BIL	TAJUK	PERIBAHASA	MAKSUD
1	Adat	أَضَلُّ مِنْ مَوْؤَدَةٍ (1)	Lebih sesat dari menanam anak perempuan
2	Perjudian	أَيَسَّرَ مِنْ لَقْمَانٍ (1)	Lebih kuat berjudi dari Lukman
3	Peringatan Kedatangan Perang	أَنَا النَّذِيرُ الْعُرْيَانُ	Aku pengingat yang bertelanjang

4	Kepercayaan/Pegangan	مَا حَجَّ وَلَكِنَّهُ دَجَّ	Bukan pergi mengerjakan haji tetapi berniaga
5	Dalam Genggaman	عصفور في اليد خير من عشرة على الشجرة (2)	Seekor burung dalam tangan lebih baik dari sepuluh ekot atas pokok
6	Tanpa Pengawasan Pihak Atasan	يَغِيْبُ الْقَطُّ، يَلْعَبُ الْفَارُّ (2)	Tiada kucing tikus menari
7	Gopoh Gapah	العجلة من الشيطان (2)	Gopoh gapah amalan yang tidak baik
8	Berhati-hati	في التأنى السلامة وفي العجلة الندامة (2)	Biar lambat asalkan selamat
9	Memelihara Keaipan	من كان بيته من زجاج، لا يقذف الناس بالحجارة (2)	Orang yang tidak menjaga keaipan orang, nescaya keaipannya juga akan disebarkan
10	Pencerobohan	ضربني وبكى، وسبق واشتكى (2)	Orang yang mencerobohi orang lain mendakwa dia telah dicerobohi
11	Persahabatan Yang Salah	من جاور الحداد، انكوى بناره (2)	Orang yang tersalah memilih kawan ia akan menerima akibat dari persahatannya itu

12	Tamak	الطمع يضيع ما جمع	Tamak boleh merosakkan apa yang telah ada
13	Mencari Teman	الرفيق قبل الطريق	Mencari teman yang baik terlebih dahulu sebelum membuat perancangan
14	Mewarisi Keturunan	ابن الوز عوام	Sesuatu itu mengikuti keturunannya
15	Mempertahankan Keturunan	القرد في عين أمه غزال	Ibu memandang tinggi kepada anak keturunannya
16	Menyalahi Orang Lain	خالف تُعرف	Mencari kemasyhuran dengan melakukan perkara luar biasa
17	Hebat di Tempat Sendiri	الكلب في بيته سبع	Kehebatan dalam kampung atau tempat sendiri
18	Penyebab Pejadian	يقتل القتل ويمشي في جنازته	Orang yang melaku sesuatu kerosakan perpura-pura mengucap takzih
19	Perbelanjaan	اصرف ما في الجيب، يأتيك ما في الغيب	Mengeluarkan modal bagi mendapat sesuatu
20	Berbuat Baik	تذبل الوردة وريحتها فيها	Orang yang berbuat baik akan terus dikenang
21	Kerugian	الخسارة تعلم الشطارة	Kerugian yang di alami akan memberi pengalaman kepada peniaga
22	Bekerjasama	يد واحدة لا تصفق	Perlu bekerjasama untuk kejayaan

23	Menentang Kezaliman	إبلي لم أبع ولم أهب	Tidak menyerahkan kepada orang yang zalim apa-apa yang ia tidak berhak
24	Pendidikan	آفة العلم النسيان	Kelupaan adalah kemusnahan bagi ilmu
25	Perbuatan Salah	يأكل التمر وأرجم بالنوى	Membuat kesalahan tetapi menuding jari kepada orang lain
26	Perangai	كل مبدول مملول	Suka membuat sesuatu yang

			dilarang
27	Usaha Mengatasi Masalah	إِنَّ الْحَدِيدَ بِالْحَدِيدِ يُفْلِحُ	Membuat perkara yang sukar mengikut keadaannya
28	Menyamar	ذَنْبٌ اسْتَنْعَجَ	Menyamar diri mengikut kumpulan yang hendak dikalahkan
29	Bercakap Lebih	فَضْلُ الْقَوْلِ عَلَى الْفِعْلِ دِنَاءَةٌ	Bercakap melebihi dari apa yang dibuat
30	Harapan Yang Sia-sia	حَتَّى يَرِدَ الضَّبُّ	Mengharapkan sesuatu yang tak mungkin berlaku
31	MungkirJanji	أَسْمَعُ صَوْتًا، وَأَرَى فَوْتًا	Bercakap lebih tetapi tidak dilaksanakan
32	Marah	الْغَضَبُ غَوْلُ الْحِلْمِ	Kemarahan boleh merosakkan impian
33	Kesan Kejahatan	كَيْفَ أَعَاوَدُكَ وَهَذَا أَنْزُرُ فَأَسِيكَ	Kejahatan seseorang itu akan diingati selama-lamanya
34	Kata Sepakat	كَالْعُرَابِ وَالذِّئْبِ	Tidak memungkiri kesepakatan yang telah dimeterikan.
35	Tidak Ada Harapan	مَا عِنْدَهُ طَائِلٌ وَلَا نَائِلٌ	Seseorang yang tidak boleh dihrapkan ap-apa kelebihan darinya.
36	Memasang Perangkap	مَنْ حَفَرَ مُغْوَاةً وَقَعَ فِيهَا	Terjebak dalam perangkap sendiri
37	Serupa Tapi Tidak Sama	النَّاسُ إِخْوَانٌ وَشَتَّى فِي الشِّيمِ	Kejadian manusia itu sama tapi akhlak mereka tidak sama
38	Salah Sangka	يَحْسِبُ الْمَمْطُورُ أَنْ كَلًّا مُطِرَ	Orang kaya menyangka orang lain juga kaya sepertinya
39	Tidak Mengambil Berat	كَثُرَ الْحَلْبَةُ وَقَلَّ الرَّعَاءُ	Pemimpin yang kaya tidak menyedari kesusahan rakyat
40	Salah Dakwaan	لَيْسَ هَذَا مِنْ كَيْسِكَ	Kebaikan yang bukan darinya

41	Kepercayaan dan Jihad	إِنَّ الْحَيَاةَ عَقِيدَةٌ وَجِهَادٌ	Keyakinan adalah asas kehidupan begitu juga perjuangan dan usaha
42	Menjaga Lidah	عَثْرَةُ الْقَدَمِ أَسْلَمٌ مِنْ عَثْرَةِ اللِّسَانِ	Galakan menjaga lidah, terasalah cakap lebih teruk dari tersalah kaki
43	Tidak Mengenang Jasa	أَسْمِنُ كَلْبَكَ يَا كَلَّكَ	Perbuatan yang baik dibalas dengan kejahatan
44	Pendapat Yang Sama	لَا يَنْتَظِحُ فِيهِ عَزَّازَانِ	Perkara yang tidak ada perselisihan pendapat dalamnya
45	Dusta	أَكْذَبُ مِنْ مُسَيِّمَةٍ	Gambaran sifat dusta
46	Keberanian	كُلُّ كَلْبٍ بِبَابِهِ نَبَّاحٌ	Keberanian di tempat sendiri
47	Berpura-pura	فَمُ يُسَبِّحُ وَيَدُّ تَذْبِيحُ	Menampakkan sifat baik dan menyembunyikan sifat jahat
48	Berbuat Baik	خَيْرُ الْبِرِّ عَاجِلُهُ	Galakan bersegera dalam membuat kebaikan
49	Manusia Tidak Samna	النَّاسُ مَعَادِنٌ	Gambaran tabiat manusia
50	Kecenderungan Manusia	أَحَبُّ شَيْءٍ لِلْإِنْسَانِ مَا مَنَعَ	Manusia cenderung melakukan perkara-perkara terlarang

Rujukan

1. Peribahasa 1-3:

الأمثال العربية دراسة تاريخية تحليلية . الجزء الأول. المكتبة اعصرية . صيدا بيروت (2011م)

2, Peribahasa 4 - 22:

كتاب "الأمثال العامية" لأحمد تيمور باشا - الطبعة الثالثة لعام 1970 م.

3. Peribahasa 23 – 30:

المنجد في اللغة والأعلام دار المشرق – بيروت الطبعة الثالثة 1992م

4. Peribahasa 31 – 40:

مجمع الأمثال الجزء الأول – المكتبة العصرية - صيدا بيروت. (2011م)

5. Peribahasa 40 – 50:

Dari kepelbagaian sumber

Catatan: Penulis sekadar membawa 50 peribahasa Arab yang bertemakan kemasyarakatan sebagai contoh.

6. DAPATAN KAJIAN & PENUTUP

Dapatan Kaajian

Dari bacaan dan kajian, penulis dapati banyak sekali peribahasa Arab yang bertemakan kemasyarakatan, kerana peribahasa itu adalah jelmaan dari fikiran masyarakat, apa-apa yang berlaku dalam masyarakat dirakamkan dalam bentuk peribahasa dan perkara yang tidak elok dalam masyarakat ditegur dengan berhemah dan penuh bijaksana.

7. HARAPAN DAN PENUTUP

Peribahasa seperti juga dengan ilmu-ilmu lain, memainkan peranan yang sangat baik dalam pendidikan. Oleh itu para pendidik, pembimbing, daie dan ibubapa boleh menggunakan peribahasa untuk mendidikan anak-anak dan generasi mereka.

Dalam pendidikan bahasa, peribahasa boleh digunakan dengan method-method yang berkesan kearah memperkayakan bahasa pelajar dengan menggunakan ungkapan kata-kata yang indah, flora dan fauna bahasa yang terungkap dalam peribahasa yang dipelajari.

Kurikulum, buku teks dan pengajaran guru, perlu memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dipelajari oleh para pelajar dengan menggunakan peribahasa dalam bahasa yang diajar dan dipelajari oleh mereka, samada dalam lisan atau penulisan.

8. RUJUKAN

Al-Quran –ul- Karim.

Al-Hadith al-Syarif.

Zamakhshyari (2011). *Al-Mustaqsa Fi Al-Amthal*. Jld 1. Beirut. Da:ar Sader Publisher.

Solah Alfawal (Dr.) (1966). *Ilmu Al-Ijtima:a' Baina Al-Nazariyyah wa Al-Tabiq*. Cairo. Da:r Al-Fikri Al-Arabi. M.s. 122.

Kamus Peribahasa (2016). Publication Sdn. Bhd.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. Ahmad Fuad Hassan. (2015). *Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai*. Serdang. Universiti Putra.

Frishkopt, edited by Michael (2010). *Music and media in the Arab world* (1st ed.).

Cairo. The American University in Cairo Press.

Abdel Majid Qata:mish (Dr.). (1988). *Al-Amtha:al Al-Arabiyyah Dirasah Raikhiyyah Tahliliyyah*. Da:ar Al-Fikri. Damascus. Syria.

Al-Munjid Al-Arabi Fi Al-Lughah wa Al-A'la:am.(Cet. 33). (1992). Beirut. Da:ar Syarq.

Majma' Al-Amthal Jld. 1. (cet.1).(2011) Beirut. Al-Maktabah Al-Asriyyah Da:ar Sideh.

<http://wartasejarah.blogspot.my/2013/09/asal-usul-bangsa-arab.html>

Prof. Madya Dr. Zamri Arifin2 almuslim@ukm.my

<https://www.facebook.com/notes/r-eka-nur-prasetya/pengertian-unsur-dan-kriteria-masyarakat>

<http://www.presstetouan.com/news7980.html><http://www.seputarpengetahuan.com/2015/02/15-pengertian-pendidikan-menurut-para.html>

TAMU-Vol-15- December 12-2015